



Kehidupan yang Hakiki

Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

اللَّهُمَّ لَا عَيْشَ إِلَّا عَيْشُ الْآخِرَةِ

Maksudnya: “Ya Allah, tiadalah kehidupan yang sebenar kecuali kehidupan akhirat.”

Riwayat al-Bukhari dalam *al-Sahih* (12/233) no. (6413)
dan Muslim dalam *al-Sahih* (3/ 1431) no. (1805)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Kata-kata seperti *dunia jambatan akhirat* amatlah benar, kerana manusia dalam fasa-fasa kehidupannya akan melalui marhalah-marhalah tertentu. Bermula daripada alam rahim ibunya, kemudian alam dunia seterusnya alam barzakh dan berakhir dengan alam akhirat sama ada ke syurga atau neraka.
2. Oleh itu kehidupan yang kekal abadi serta hakiki ialah pada alam akhirat. Jika bahagia nescaya bahagialah, sebaliknya jika sengsara maka rugilah hidupnya, tiada guna sesal kerana hal tersebut sudah berlaku.
3. Lihatlah sejarah Rasulullah SAW, para sahabat dan salafusoleh. Bagaimana mereka menggunakan kesempatan hidup di dunia ini untuk menambahkan koleksi pahala akhirat serta ganjaran di sisi Allah SWT. Perbuatan dan amalan mereka menjadi sejarah yang dipahat dan amat mahal sehingga layak ditulis dengan tinta emas. Sejarah mereka dibaca sepanjang zaman dan manusia dapat menjadikannya suri teladan untuk memandu kehidupan.

4. Ini kerana penglihatan mata hati mereka amat jelas dalam menilai kadar dunia dan akhirat serta matlamat hidup yang hakiki. Tidak hairanlah sejarah mencatatkan kekuatan mereka dari semua segi sehingga menjuarai dari segala umat serta tamadun dalam ketaatan dan kepatuhan yang mutlak kepada Allah.
5. Sebagai contoh bagaimana Abu Bakar mewakafkan segala hartanya untuk Allah dan Rasul. Ini kerana sucinya hati dan tingginya makrifah hakikat dunia untuk diabdikan kepada Yang Maha Esa. Begitulah seterusnya para sahabat yang lain.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Kebahagiaan adalah ketika jiwa telah berjaya mencapai tingkat kesempurnaannya, kemenangan adalah ketika jiwa telah mendapat buah dari amalannya, dan nasib yang baik adalah ketika dunia yang dicarinya telah mengabdikan kepadanya.
- ❖ **Seorang ahli hikmah berkata:** Saya sibuk mensyukuri empat perkara:
 - Allah telah menjadikan seribu macam makhluk, sedang yang termulia dari semua itu adalah anak Adam, lalu Allah menjadikan aku dari anak Adam.
 - Allah telah melebihkan orang lelaki daripada wanita, lalu menjadikan aku lelaki.
 - Aku mengetahui bahawa Islam itu sebaik-baik agama, dan yang diterima oleh Allah, lalu aku dijadikan sebagai seorang muslim.
 - Aku mengetahui bahawa umat Muhammad itu seutama-utama umat, lalu Allah menjadikan aku dari umat Muhammad SAW.

Kisah Teladan

Ali bin Makmum al-Abbasy adalah seorang anak kepada khalifah. Di mana pada peringkat awalnya dia hidup di istana yang megah. Semua keinginan dan kehendaknya dipenuhi, seperti lazimnya anak raja yang lain. Pada Suatu hari ia

keluar dari istana untuk bersia-siar. Tiba-tiba matanya tertuju kepada seorang buruh yang sangat rajin bekerja. Tukang kayu itu bekerja sepanjang hari tanpa kenal penat lelah dan pulang setelah matahari terbenam.

Suatu hari, si anak raja itu memanggil si buruh tersebut ke istana dan menanyakan kepadanya perihal keluarganya. Ia menjawab: *Aku memiliki seorang isteri, dua orang saudara perempuan dan seorang ibu yang kehidupan mereka semua bergantung kepadaku. Di rumahku tidak ada persediaan makanan yang cukup. Sedangkan mata pencariaanku tidak lain hanyalah mencari kayu dan menjadi buruh di pasar. Pada siang hari aku terus berpuasa kerana belum ada yang dapat dimakan, dan pada petang harinya baru aku dapat berbuka kerana sudah mendapatkan wang hasil usahaku yang jerih payah itu.*

Si anak raja itu menjadi kasihan dan prihatin melihat buruh ini, sehingga ia berkata kepadanya: *Apakah engkau ingin meminta sesuatu kepadaku?* Si buruh menjawab: *Tidak! Terima kasih atas perhatian tuan. Walaupun keadaanku seperti ini, akan tetapi, Alhamdulillah, aku dan keluargaku merasa bahagia dalam hidup seperti ini.*

Jawapan dari si buruh itu membuat si anak raja itu menjadi terpegun. Lama ia merenungkan keadaan si buruh tersebut. Akhirnya, ia pergi meninggalkan istana yang penuh dengan kemewahan, dan pergi ke suatu tempat yang tidak tentu hal tujuhnya. Ternyata, setelah beberapa tahun berlalu, terdengar berita bahawa ia sedang berada di salah satu desa di negeri Khurasan, dan bekerja sebagai tukang kayu. Ia sendiri mengaku bahawa ia mendapat kebahagiaan pada pekerjaannya itu, yang tidak pernah dia dapati semasa berada di istana dulu. Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ اهْتَدَوْا زَادَهُمْ هُدًى وَءَاتَيْنَاهُمْ تَقْوَاهُمْ

Maksudnya: Dan orang-orang yang mahu menerima petunjuk, Allah menambah petunjuk kepada mereka dan memberikan balasan ketakwaannya.

(Surah Muhammad: 17)